



NEWSLETTER


Disediakan oleh:

FAUZIAH HANIM BAHARIN

Ketua Penolong Pengarah, BPP

PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

DEFINISI (berdasarkan MSIC 2008 Ver. 1.0) : termasuk perkhidmatan makanan dan minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara, dengan atau tiada kemudahan tempat duduk. Hidangan yang dibekalkan untuk penggunaan segera adalah faktor yang diambil kira dan bukannya jenis kemudahan untuk menyediakan hidangan tersebut.



PRESTASI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

Pada tahun 2019, subsektor Makanan dan Minuman merekodkan RM46.4 bilion dan menyumbang 5.4% kepada KDNK Sektor Perkhidmatan.

Nilai output kasar yang dijana pada 2017 berjumlah **RM82.8 bilion** berbanding RM66.4 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan 11.7% setahun.

RM (juta)

22,952.7

Empat negeri dengan nilai output kasar tertinggi




Bilangan pekerja pada 2017 adalah **958,803 orang** berbanding 891,616 orang pada 2015 dengan kadar pertumbuhan 3.7% setahun.

165,059 pertubuhan dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada 2015.

Pekerja bergaji sambilan

Pekerja bergaji sepenuh masa



Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji



Jumlah gaji & upah yang dibayar pada 2017 adalah **RM12.2 bilion** berbanding RM9.7 bilion pada 2015 dengan kadar pertumbuhan 12.5% setahun.

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018



PERKHIDMATAN PENGINAPAN



DEFINISI
(berdasarkan MSIC
2008 Ver. 1.0)

- Penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu.
- Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam hartanah.

PRESTASI PERKHIDMATAN PENGINAPAN


Subsektor Penginapan mencatatkan RM10.5 bilion dan memberikan sumbangan **1.2%** kepada KDNK Sektor Perkhidmatan pada tahun 2019.

Nilai output kasar pada 2017 berjumlah **RM15.8** bilion berbanding RM13.9 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 6.7%. WP Kuala Lumpur mencatatkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM4.1 bilion dengan sumbangan 26.1%, diikuti oleh Selangor RM2.3 bilion (14.4%).



Bilangan pekerja dalam perkhidmatan penginapan adalah **139,410 orang** pada tahun 2017 berbanding 130,675 orang pada 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 3.3%.

RM BILION



4,219 pertubuhan dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada 2015

MIKRO

1,947 (46.1%)

KECIL

1,842 (43.7%)

SEDERHANA

430 (10.2%)

Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji
3,028 (2.2%)

Pekerja bergaji (sambilan)
5,985 (4.3%)

Pekerja bergaji sepenuh masa
130,397 (93.5%)

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada 2017 adalah **RM3.5 bilion** berbanding RM3.0 bilion pada 2015 dengan kadar pertumbuhan 8.3% setahun .

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018

2

BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA



Partisipan Anda
DIRANCI



20 OKT



2016-2030




PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

Perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan bilangan pekerja seramai 958,803 orang pada tahun 2017 berbanding 891,616 orang pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 3.7 peratus. Pekerja bergaji sepenuh masa dalam subsektor ini merekodkan bilangan 614,322 orang pada tahun 2017 berbanding 569,632 orang pekerja pada tahun 2015 dan bertumbuh dengan kadar 3.8 peratus setahun. Pekerja lelaki (304,636 orang) mendominasi perempuan (264,996 orang) pada tahun 2015. Trend yang sama turut dicatatkan pada tahun 2017 dengan pekerja lelaki (330,811 orang) mendominasi pekerja perempuan (283,511 orang).


Pada tahun 2017, aktiviti perkhidmatan makanan mempunyai bilangan pekerja yang tertinggi iaitu 758,992 orang dengan sumbangan 79.2 peratus. Ini diikuti oleh perkhidmatan katering (106,701 orang; 11.1%) dan aktiviti perkhidmatan minuman (93,110 orang; 9.7%).

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2017 adalah sebanyak RM12.2 bilion berbanding RM9.7 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan 12.5 peratus. Perkhidmatan makanan mencatatkan jumlah gaji & upah yang tertinggi dibayar iaitu RM9.9 bilion dengan pertumbuhan tahunan 12.9 peratus, diikuti oleh perkhidmatan katering (RM1.2 bilion; 10.8%) dan perkhidmatan minuman (RM1.1 bilion; 11.0%).


JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA



JUMLAH PEKERJA



GAJI & UPAH



Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018


PERKHIDMATAN PENGINAPAN

Pada tahun 2017, bilangan pekerja bagi perkhidmatan penginapan adalah seramai **139,410** orang berbanding 130,675 orang pada tahun 2015 dengan peningkatan tahunan 3.3 peratus.


Perkhidmatan penginapan melibatkan pekerja bergaji sepenuh masa seramai **130,397** orang pada tahun 2017 berbanding 121,963 orang pada tahun 2015 dan bertumbuh pada kadar 3.4 peratus setahun. Pekerja lelaki (67,859 orang) mendominasi perempuan (54,104 orang) pada tahun 2015. Trend yang sama turut dicatatkan pada tahun 2017 dengan pekerja lelaki (74,801 orang) mendominasi pekerja perempuan (55,596 orang).

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2017 adalah **RM3.5 bilion** berbanding RM3.0 bilion pada tahun 2015, mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 8.3 peratus.


JUMLAH PEKERJA



JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA



GAJI & UPAH



Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018




KATEGORI KEMAHIRAN, 2017


Perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dari kategori berkemahiran rendah iaitu **311,003 orang** (50.6%), diikuti oleh separuh mahir (229,735; 37.4%) dan mahir (73,584; 12.0%).

Bagi perkhidmatan penginapan, jumlah pekerja tertinggi adalah dari kategori separuh mahir iaitu **55,853 orang** (42.8%), diikuti oleh berkemahiran rendah seramai 47,828 orang (36.7%) dan mahir, 26,716 orang (20.5%).

MAKANAN DAN MINUMAN



PENGINAPAN




KATEGORI KELULUSAN, 2015


Pekerja dalam perkhidmatan makanan dan minuman didominasi oleh pekerja berkelulusan SPM/SPM (V) atau yang setaraf iaitu berjumlah **542,094** orang dengan sumbangan 60.8 peratus. Ini diikuti oleh pekerja di bawah taraf kelulusan SPM/SPM (V) (174,886 orang; 19.6%) dan sijil (60,174 orang; 6.7%).

Perkhidmatan penginapan mencatatkan pekerja dengan kelulusan SPM/SPM(V) atau yang setaraf dan ke bawah adalah golongan majoriti iaitu **79,447** orang atau 60.8 peratus daripada bilangan pekerja pada tahun 2015. Pekerja yang mempunyai kelulusan diploma/STPM atau yang setaraf berjumlah 27,067 orang (20.7%), manakala pemegang ijazah sarjana muda dan ke atas merekodkan 14,125 orang (10.8%).

MAKANAN DAN MINUMAN





PENGINAPAN





Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018

5 NEGERI UTAMA PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN



5 NEGERI UTAMA PERKHIDMATAN PENGINAPAN



PERTUBUHAN HALAL

PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

2015: 2,605 pertubuhan
(sumbangan: 65.5%)

2010: 1,679 pertubuhan
(sumbangan 79.0%)

PERKHIDMATAN PENGINAPAN

2015: 263 pertubuhan
(sumbangan: 6.6%)

2010: 21 pertubuhan
(sumbangan 1.0%)

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016 & Statistik Ekonomi Tahunan 2018



PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN

- Penularan wabak COVID 19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijangka memberi impikasi **negatif** kepada perkhidmatan Makanan dan Minuman kerana makanan yang dijual hanya dibenarkan untuk dibawa pulang dan pandu lalu sahaja atau melalui perkhidmatan penghantaran makanan oleh syarikat tertentu seperti Grab Food dan Food Panda. Makan di kedai adalah tidak dibenarkan.
- Pelaksanaan PKP fasa kedua hanya membenarkan restoran dan kedai makan beroperasi mulai jam 8 pagi sehingga 8 malam sahaja.
- Terdapat restoran dan kedai makan yang terpaksa menutup perniagaan mereka kerana ketiadaan pelanggan dan bagi mengurangkan kos operasi.

PERKHIDMATAN PENGINAPAN

- Perkhidmatan penginapan turut dijangka menerima impak **negatif** kerana Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menggesa semua pengusaha hotel dan penginapan untuk menghadkan perkhidmatan masing-masing kepada hanya pelanggan yang sudah mendaftar masuk sebelum 18 Mac 2020. Perkhidmatan makan dan minum di hotel pula perlu dihadkan hanya kepada perkhidmatan bilik ke bilik bermula 18 Mac 2020.
- MAH melaporkan bahawa jangkaan kadar penginapan adalah 11 peratus bagi tempoh 18-31 Mac 2020, 16 peratus bagi April dan 19 peratus untuk bulan Mei. Kadar penginapan pada bulan Jun dijangka tidak melebihi 25 peratus disebabkan pembatalan banyak tempahan bilik yang mengakibatkan kerugian berjumlah RM75.7 juta.
- Pembatalan Kempen Melawat Malaysia 2020 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya plawalan pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

